

**DAP Memang Tidak Percaya Dengan PAS, Kata Muhyiddin Bernama**  
**1 Mei, 2013**

JELI, 1 Mei (Bernama) -- DAP sememangnya tidak yakin dan percaya kepada rakan sekutunya PAS, dan hanya memperkudakan PAS untuk meraih sokongan daripada pengundi Melayu, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata kenyataan terbuka pemimpin DAP yang menyeru orang bukan Islam tidak menyokong PAS pada pilihan raya umum ke-13 ini, menyerlahkan lagi pekung di dada pemimpin DAP yang tidak bersetuju dengan PAS.

Beliau berkata ini suatu tindakan yang luar biasa kerana kalau dalam pakatan biasanya mereka meminta sokong siapa sahaja calon yang mereka letak sama ada dari PAS atau DAP.

"Ini sudah terserlah terbuka pekungnya kerana hari-hari mendatang ini adalah hari penentu, jadi ada pemimpin dalam pakatan yang lama terpendam, memang tidak setuju dengan kerjasama ini, sebab itu dia secara terbuka minta jangan sokong PAS," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Himpunan Rakyat 1Malaysia di padang Sekolah Kebangsaan Gemang, Air Lanas di sini.

Akhbar baru-baru ini melaporkan Timbalan Pengerusi DAP Johor Norman Fernandez menyeru pengundi bukan Melayu supaya menolak PAS pada PRU13 ini memandangkan mereka dilihat tidak konsisten dalam pendirian melaksanakan hukum hudud.

Muhyiddin berkata kenyataan sebegini, bermakna mereka sudah menyatakan tidak bersepakat dan sebab itu ada pemimpin PAS menyatakan selepas pilihan raya umum ini perlu diadakan muktamar khas untuk membincangkan hala tuju masa depan PAS dalam pakatan.

"Sudah ada kesangsian di kalangan anggota mereka, adakah wajar PAS terus kekal dalam pakatan, hal ini bahaya bagi demokrasi di Malaysia, kalau rakyat tersalah pilih dan pilih mereka yang sesama mereka tidak bersetuju dengan banyak perkara, ada yang akan tinggalkan pakatan, kerajaan pakatan akan terumbang-ambing," katanya sambil berharap rakyat berhati-hati dan yang terbaik pilih Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata mungkin pakatan rakyat itu 'menjadi' pada pilihan raya umum 2008 kerana ketika itu mereka tidak mengetahui "isi hati" masing-masing, maka rakyat mengundi pakatan tersebut, tetapi selepas lima tahun, ketidaksepakatan antara mereka sudah terserlah ibarat 'retak menanti belah'.

"Mungkin mereka fikir strategi mereka menjadi pada PRU 2008, waktu mana mereka belum tahu isi hati masing-masing, maka rakyat mengundi mereka dan mereka menang Kelantan, Kedah (Pulau Pinang, Selangor), sebab itu dia terdorong untuk teruskan kerjasama.

"Tetapi selepas lima tahun berlalu, baru dia dapat lihat dari segi ideologi, isu yang diperjuangkan tidak sama seperti negara Islam, ini jelas tidak disepakati, kini mereka buat pendirian, mereka tidak bersatu cuma pemimpin di atas yang tunjuk begitu (sepakat) tetapi pemimpin di bawah ramai anggota tolak pakatan yang rapuh ini daripada diteruskan," katanya.

Beliau berkata sekiranya rakyat memberi mandat kepada pakatan DAP-PKR-PAS untuk memerintah negara sudah pasti akan timbul banyak masalah yang boleh menjadikan negara tidak stabil.

Ditanya dana asing yang dikatakan dibawa masuk membiayai kempen pembangkang, Muhyiddin berkata pihak berkuasa berkaitan akan memantau perkara tersebut dan mengingatkan jangan ada mana-mana pihak yang membuat sesuatu yang menyalahi undang-undang.

Sementara itu, beliau berkata trend sokongan rakyat kepada BN Kelantan semakin meningkat hasil cetusan semangat gelombang merah untuk menukar kerajaan negeri pimpinan PAS.

Beliau juga berkata kepimpinan BN menyokong kehendak rakyat Kelantan yang mahukan Pengerusi BN Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed menjadi menteri besar Kelantan sekiranya BN diberi mandat mentadbir Kelantan pada pilihan raya umum Ahad ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946664>